

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M
PARAMESWARAN [BATU]**

SOALAN

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian telah memotong peruntukan bagi KRT daripada RM6000 setahun kepada RM3500, di mana pembayaran pertama berjumlah RM1400 dan dikhabarkan setiap KRT akan menerima RM2100 lagi dalam masa terdekat.

**JAWAPAN : YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L
PONNUSAMY, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PERPADUAN NEGARA DAN KESEJAHTERAAN SOSIAL)**

Yang di-Pertua,

Geran Rukun Tetangga 2019 diagihkan berdasarkan kepada penilaian keaktifan setiap Kawasan Rukun Tetangga (KRT). Penilaian keaktifan Rukun Tetangga Tahun 2019 adalah menggunakan kaedah yang menggabungkan penilaian melalui Sistem e-Rukun Tetangga dan Penilaian oleh Pegawai Perpaduan Daerah (PPD) terhadap keaktifan setiap KRT. Melalui Sistem e-Rukun Tetangga, setiap KRT dinilai berdasarkan laporan pelaksanaan program dan aktiviti, pengurusan mesyuarat dan pengurusan kewangan RT. Manakala penilaian oleh PPD pula merupakan kaedah yang memberi peluang kepada pegawai sendiri untuk menilai keaktifan KRT yang wujud di bawah pemantauannya. Pengiraan penilaian keaktifan KRT adalah seperti pecahan berikut:

- Sistem e-Rukun Tetangga : 40%
- Penilaian PPD terhadap Keaktifan KRT : 60%

(i) **Sistem e-Rukun Tetangga (40%)**

AJK Rukun Tetangga perlu mengunci masuk perkara-perkara seperti berikut :

- Pelaksanaan aktiviti sekurang-kurangnya 6 program/aktiviti setahun.
- Pelaksanaan mesyuarat sekurang-kurangnya 6 kali mesyuarat setahun.
- Pengurusan kewangan dibuat setiap sebulan sekali.

Sekiranya Rukun Tetangga dapat mengunci masuk berdasarkan perkara-perkara dan kekerapan yang dinyatakan, maka KRT tersebut mencapai markah 100% di dalam Sistem Penilaian e-Rukun Tetangga.

(ii) **Penilaian PPD terhadap Keaktifan KRT (60%)**

Penilaian Pegawai Perpaduan Daerah (PPD) terhadap KRT pula merupakan kaedah yang memberi peluang kepada PPD sendiri untuk menilai keaktifan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) kerana PPD merupakan pemantau terhadap kegiatan KRT yang berada di bawah seliaannya.

Pada awalnya, pengagihan Geran Rukun Tetangga 2019 dirancang berdasarkan tahap keaktifan yang telah dinilai seperti berikut:

PENCAPAIAN PERATUS KEAKTIFAN	KATEGORI	PERANCANGAN AGIHAN GERAN
80% - 100%	Paling aktif	RM6,000
45% - 79%	Aktif	RM4,000
21% - 44%	Sederhana Aktif	RM2,000
0% - 20%	Tidak Aktif	TIADA

Namun begitu, di bawah kelulusan bajet 2019 pihak Jabatan PERPADUAN hanya menerima peruntukan yang begitu terhad dan peruntukan ini disalurkan kepada Jabatan secara berfasa iaitu Fasa 1 dan Fasa 2. Pada Fasa 1, jumlah peruntukan yang telah diterima hanya membolehkan Jabatan PERPADUAN mengagihkan Geran Rukun Tetangga seperti berikut:

PENCAPAIAN PERATUS KEAKTIFAN	KATEGORI	AGIHAN GERAN FASA 1 (JAN - JUN 2019)
80% - 100%	Paling aktif	RM1,800
45% - 79%	Aktif	RM1,400
21% - 44%	Sederhana Aktif	RM1,000
0% - 20%	Tidak Aktif	TIADA

Manakala pada Fasa 2, iaitu pada pertengahan Ogos 2019, PERPADUAN telah menerima peruntukan yang disalurkan pada kadar yang tidak menepati perancangan awal Jabatan. Pengagihan Geran Fasa 2 seperti berikut:

PENCAPAIAN PERATUS KEAKTIFAN	KATEGORI	AGIHAN FASA 2 (JUL - DIS)
80% - 100%	Paling aktif	RM3,200
45% - 79%	Aktif	RM2,100
21% - 44%	Sederhana Aktif	RM1,000
0% - 20%	Tidak Aktif	TIADA

Justeru, secara keseluruhannya, agihan Geran Rukun Tetangga 2019 berdasarkan penilaian keaktifan adalah seperti berikut:

KATEGORI	AGIHAN FASA 1 (JAN - JUN)	AGIHAN FASA 2 (JUL - DIS)	JUMLAH SETIAP RT
Paling Aktif	RM1,800	RM3,200	RM5,000
Aktif	RM1,400	RM2,100	RM3,500
Sederhana Aktif	RM1,000	RM1,000	RM2,000
Tidak Aktif	-	-	-

Sekian, terima kasih.